

Struktur dan sejarah canggaan batuan di Pulau Kapas, Terengganu

IBRAHIM ABDULLAH

Program Geologi, Pusat pengajian Sains Sekitaran dan Sumber alam
Fakulti sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, Malaysia

Batuan metasedimen bergred rendah berusia Karbon di Pulau Kapas telah mengalami canggaan yang menghasilkan lipatan ketat menunjam ke arah selatan-tenggara (STG) atau utara-baratlaut (UBL). Pada zon tertentu terdapat lipatan ketat yang terbalik disempadani oleh sesar songsang atau sungkup. Sungkupan ke arah barat-baratdaya adalah yang dominan, manakala ke timur-timurlaut ditafsirkan sebagai sungkup-belakang. Canggaan seterusnya menghasilkan sesaran mendatar dekstral berarah hampir utara-selatan yang turut melibatkan konglomerat yang ditafsirkan berusia Perm. Sistem tegasan dengan mampatan arah timur-timurlaut sekali lagi dialami oleh kawasan ini, menerbitkan sesaran mendatar dekstral dan sinistral yang diakhiri dengan rejahan daik dolerit. Sistem tegasan dengan mampatan dari arah tenggara-baratlaut mengakhiri canggaan kawasan ini yang menerbitkan sesaran hampir utara-selatan dengan gerakan sinistral. Sistem tegasan ini juga telah mengaktifkan semula sesar utara-selatan yang sudah sedia wujud dengan gerakan sinistral.